

HELAIAN KETERANGAN PRODUK (Sila baca Helaiian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan memilih “IKHLAS Niaga Takaful (Office Niaga)”. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat di dalam Sijil Takaful ini.)	TAKAFUL IKHLAS GENERAL BERHAD (Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)																								
	IKHLAS NIAGA TAKAFUL (OFFICE NIAGA)																								
	Tarikh: 01/12/2018																								
1) Produk apakah ini? IKHLAS Office NIAGA memberikan perlindungan yang komprehensif kepada industri-industri kecil sederhana (IKS) dan pengusaha-pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS), untuk pejabat-pejabat dan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang serupa.																									
2) Apakah konsep Syariah yang diguna pakai? Tabarru' - bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu Peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, Tabarru' akan diperuntukan ke dalam Dana Risiko. Wakalah – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (<i>muwakkil</i>) membenarkan pihak lain sebagai ejen (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful, dan fi Wakalah (<i>Ujrah</i>) akan dibayar kepada pihak Syarikat. Nota: Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk maklumat lanjut.																									
3) Apakah perlindungan-perlindungan / manfaat-manfaat yang ditawarkan?																									
		<table border="1"> <thead> <tr> <th>Seksyen</th> <th>Perlindungan</th> <th colspan="3">Amaun Perlindungan/ Had Liabiliti (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td rowspan="2">A</td> <td rowspan="2"> Kebakaran Perlindungan: kebakaran, kilat, kerosakan disebabkan oleh rusuhan, mogok dan perbuatan khianat, pecahan atau limpahan dari tangki air atau paip, gempa bumi, ledakan gunung berapi. </td> <td colspan="3">Ditentukan oleh Peserta Takaful (Tertakluk kepada amaun maksima iaitu RM 5,000,000. Jika melebihi jumlah ini, Peserta Takaful hendaklah merujuk kepada pihak Syarikat).</td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td rowspan="2">B</td> <td rowspan="2"> Kecurian Kehilangan atau kerosakan kepada harta benda yang dilindungi di bawah Seksyen A yang secara langsung diakibatkan oleh Kecurian. Perlindungan minima untuk Seksyen B, semua pintu keluar/ masuk termasuk tingkap-tingkap hendaklah dilindungi. </td> <td> Pelan A (RM) </td> <td> Pelan B (RM) </td> <td> Pelan C (RM) </td> </tr> <tr> <td>30,000</td> <td>50,000</td> <td>80,000</td> </tr> </tbody> </table>			Seksyen	Perlindungan	Amaun Perlindungan/ Had Liabiliti (RM)			A	Kebakaran Perlindungan: kebakaran, kilat, kerosakan disebabkan oleh rusuhan, mogok dan perbuatan khianat, pecahan atau limpahan dari tangki air atau paip, gempa bumi, ledakan gunung berapi.	Ditentukan oleh Peserta Takaful (Tertakluk kepada amaun maksima iaitu RM 5,000,000. Jika melebihi jumlah ini, Peserta Takaful hendaklah merujuk kepada pihak Syarikat).						B	Kecurian Kehilangan atau kerosakan kepada harta benda yang dilindungi di bawah Seksyen A yang secara langsung diakibatkan oleh Kecurian. Perlindungan minima untuk Seksyen B, semua pintu keluar/ masuk termasuk tingkap-tingkap hendaklah dilindungi.	Pelan A (RM)	Pelan B (RM)	Pelan C (RM)	30,000	50,000	80,000
Seksyen	Perlindungan	Amaun Perlindungan/ Had Liabiliti (RM)																							
A	Kebakaran Perlindungan: kebakaran, kilat, kerosakan disebabkan oleh rusuhan, mogok dan perbuatan khianat, pecahan atau limpahan dari tangki air atau paip, gempa bumi, ledakan gunung berapi.	Ditentukan oleh Peserta Takaful (Tertakluk kepada amaun maksima iaitu RM 5,000,000. Jika melebihi jumlah ini, Peserta Takaful hendaklah merujuk kepada pihak Syarikat).																							
B	Kecurian Kehilangan atau kerosakan kepada harta benda yang dilindungi di bawah Seksyen A yang secara langsung diakibatkan oleh Kecurian. Perlindungan minima untuk Seksyen B, semua pintu keluar/ masuk termasuk tingkap-tingkap hendaklah dilindungi.	Pelan A (RM)	Pelan B (RM)	Pelan C (RM)																					
		30,000	50,000	80,000																					

C	<p>Wang Kehilangan wang atau kerosakan yang disebabkan oleh pencuri-pencuri terhadap sebarang peti besi atau keselamatan milik Peserta Takaful di premis yang dilindungi.</p> <p>i) Wang di Kediaman Peserta Takaful: (a) Semasa waktu perniagaan – simpan di dalam peti besi/ keselamatan/ dalam laci/ kotak tunai (b) Selepas waktu perniagaan – simpan di dalam peti besi/keselamatan</p> <p>ii) Wang tunai di dalam perjalanan dari Kediaman Peserta Takaful hingga bank dan sebaliknya</p> <p>iii) Kemalangan Diri (diserang) setiap orang (bil. maksima individu – 2)</p>	3,000 2,000 3,000 10,000	10,000 4,000 10,000 10,000	15,000 6,000 15,000 10,000
D	<p>Liabiliti Awam Ganti rugi liabiliti undang-undang ke atas pihak ketiga untuk kos-kos dan perbelanjaan yang berkenaan dengan kecederaan tubuh badan/ kematian dan/atau kerosakan harta benda, yang dialami berkaitan dengan perniagaan oleh Peserta Takaful.</p>	150,000 Mana-mana satu kemalangan 500,000 Dalam suatu jangka masa	200,000 Mana-mana satu kemalangan 1,000,000 Dalam suatu jangka masa	300,000 Mana-mana satu kemalangan 1,000,000 Dalam suatu jangka masa
E	<p>Plat/ Kepingan Kaca Penggantian kaca yang pecah termasuk sebarang kos yang diperlukan sementara menunggu penggantian tersebut.</p>	3,000	5,000	10,000
F	<p>Liabiliti Majikan Ganti rugi liabiliti undang-undang ke atas pekerja-pekerja untuk pampasan, kos-kos dan perbelanjaan yang berkenaan dengan kecederaan tubuh badan/ penyakit/ kematian yang dialami semasa dalam tempoh pekerjaan dengan perniagaan Peserta Takaful.</p>	100,000	150,000	200,000

G	<p>Kemalangan Diri Berkumpulan Untuk kematian dan hilang keupayaan kekal. (Terhad kepada 6 orang yang dinamakan. Sekiranya lebih daripada 6 orang yang dinamakan untuk dilindungi, tambahan Sumbangan Takaful akan dikenakan).</p>	10,000 setiap seorang	10,000 setiap seorang	10,000 setiap seorang
----------	--	-----------------------------	-----------------------------	-----------------------------

Nota: Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk keterangan lanjut mengenai syarat-syarat dan terma-terma spesifik yang berkaitan dengan manfaat yang dinyatakan di atas.

Tempoh perlindungan ialah selama satu (1) tahun. Dengan itu, anda dikehendaki membaharui Sijil Takaful anda setiap tahun.

4) Berapakah jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar?

Jumlah Sumbangan Takaful yang anda perlu bayar adalah berdasarkan kepada Amaun Perlindungan yang dipilih, klasifikasi pekerjaan/perniagaan, klasifikasi bangunan, dan keperluan pengunderaitan pihak Syarikat.

5) Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?

Berikut adalah yuran dan bayaran yang dikenakan:

Bayaran yang perlu dijelaskan disamping jumlah Sumbangan Takaful:-

- Cukai yang digunapakai tertakluk pada kadar semasa yang dikenakan.
- Duti Setem : RM10.00

Bayaran lain yang termasuk dalam jumlah Sumbangan Takaful:-

- Yuran Wakalah -
 - ✓ Komisen : sehingga maksima 15% dari Sumbangan Takaful
 - ✓ Perbelanjaan Pengurusan : 15% dari Sumbangan Takaful

Bayaran yang perlu dijelaskan jika anda membatalkan Sijil Takaful ini :-

- Yuran Pembatalan : RM10.00

6) Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui?

Kepentingan Pendedahan

- Anda mestilah mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau patut tahu; jika tidak, Sijil Takaful ini boleh dianggap tidak sah.
- Untuk perlindungan Liabiliti Majikan, anda hendaklah mengekalkan rekod setiap Pekerja dengan baik dan menyatakan gaji dan pendapatan mereka dengan jujur, jika tidak, syarat purata dalam Sijil Takaful ini akan dikenakan jika berlakunya tuntutan.
- Sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam apa-apa perubahan yang berkaitan anda hendaklah memaklumkan kepada kami dengan segera.
- Anda hendaklah mengambil segala langkah pencegahan yang biasa dan munasabah untuk menjaga keselamatan harta yang dilindungi.

Waranti Sumbangan Takaful

- Adalah asas dan syarat khas mutlak Sijil Takaful ini bahawa Sumbangan Takaful tertunggak mestilah

dibayar dan diterima oleh pihak-pihak Syarikat dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan Sijil Takaful ini/ Endorsmen/ pembaharuan Sijil Takaful.

- Jika syarat ini tidak dipatuhi maka Sijil Takaful ini dibatalkan secara automatik dan pihak Syarikat berhak untuk Sumbangan Takaful pro rata dalam tempoh mereka menanggung risiko.

Jumlah untuk Dilindungi

- Anda harus memastikan harta anda dilindungi pada jumlah yang berpatutan.
- Anda boleh melindungi harta anda berdasarkan dasar nilai pasaran atau nilai pengembalian semula:
 - (a) **Dasar nilai pasaran** – pihak kami akan membayar kos pembaikan ke atas harta yang rugi atau rosak setelah ditolak jumlah Susut Nilai atau Haus dan Lusuh.
 - (b) **Dasar nilai pengembalian semula** – pihak kami akan membayar kos penuh untuk pembaikan harta yang rosak tanpa menolak Susut Nilai atau Haus dan Lusuh, dengan syarat Amaun Perlindungan adalah mencukupi untuk menampung jumlah kos pengembalian semula harta tersebut.
- Sekiranya jumlah yang dilindungi ke atas harta anda adalah kurang daripada nilai sebenar pada waktu kerugian berlaku, anda dianggap bertanggungjawab terhadap perbezaannya dan hendaklah menanggung perkadaran setimpal bagi kerugian tersebut sewajarnya.
- Ekses, adalah sebagai amaun yang harus anda tanggung sendiri sebelum kami membayar balik kepada anda.

Prosedur Tuntutan

- Sekiranya berlaku sebarang kejadian yang boleh menyebabkan berlakunya tuntutan di bawah Sijil Takaful ini anda hendaklah mengemukakan notis bertulis kepada pihak Syarikat yang menyatakan semua butir-butir yang ketika itu diketahui oleh anda dengan serta-merta, memaklumkan pihak polis dengan segera, mengambil segala langkah secara praktik untuk mengesan mana-mana orang yang bersalah dan mendapatkan semula harta benda yang hilang, mengemukakan semua bukti-bukti, maklumat dan keterangan lain seperti yang diminta oleh pihak Syarikat dan bebas daripada perbelanjaan pihak Syarikat, yang berkenaan dengan tuntutan dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas kejadian dan dalam tempoh yang dilanjutkan seperti yang dipersetujui oleh pihak Syarikat, apa-apa yang mungkin diperlukan oleh pihak Syarikat.

Lebihan

- Pihak Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada lebihan boleh-agih kasar dari Dana Risiko pada setiap akhir tahun. Walau bagaimanapun, pihak Syarikat boleh mengenakan caj SAC kurang daripada 50% daripada lebihan boleh-agih kasar mengikut budi bicara dan kesesuaian. Sebarang lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan seluruhnya (100%) kepada Peserta Takaful. Sekiranya jumlah untuk Peserta Takaful kurang daripada had yang diperuntukkan, maka jumlah berkenaan akan terus disimpan di dalam Dana Risiko atau didermakan kepada badan amal bagi pihak Peserta Takaful. Kedua-dua had yang diperuntukkan dan pengurusan jumlah berkenaan adalah seperti yang dinyatakan di dalam Polisi Pengagihan Lebihan.

7) Apakah pengecualian-pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?

Sijil Takaful tidak merancang untuk dan tidak melindungi:

Kebakaran dan Peril-peril yang Berkaitan

- (a) Kerugian oleh sebab kecurian semasa atau selepas berlakunya kebakaran.
- (b) Kerugian atau kerosakan kepada harta yang disebabkan oleh penapaian, kepanasan semula jadi atau pembakaran spontan (kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selaras dengan Pengecualian 2(f) atau melalui proses menjalani pemanasan atau pengeringan.
- (c) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat pembakaran harta melalui perintah mana-mana pihak berkuasa awam.

- (d) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat daripada kebakaran bawah tanah.
- (e) Kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau yang timbul daripada atau yang merupakan akibat atau yang antaranya disebabkan oleh bahan senjata nuklear.
- (f) Kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau yang timbul daripada atau akibat daripada atau disumbangkan oleh pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini sahaja, pembakaran hendaklah termasuk apa-apa proses yang mampan diri pembelahan nuklear.

Kecurian

kehilangan atau kerosakan daripada atau terhadap:

- (a) Wang sekuriti.
- (b) kaca jika dilindungi secara lebih khusus.
- (c) mana-mana bahagian harta itu yang berada dalam keadaan Terbuka atau mana-mana bangunan luar, kecuali yang dinyatakan di dalam Jadual atau melalui Endorsmen.
- (d) mana-mana tunai yang didaftarkan apabila Premis ditutup untuk Perniagaan melainkan mesin daftar tunai itu ditinggalkan dalam keadaan Terbuka.
- (e) permainan hiburan atau mesin layan diri atau kandungan daripadanya.
- (f) buku Perniagaan, dokumen dan manuskrip, kecuali dinyatakan di dalam Jadual oleh Endorsmen.
- (g) rekod sistem komputer.

Wang

Berhubung dengna kerugian:

- (a) disebabkan oleh rompakan atau kecurian oleh mana-mana pengarah, rakan kongsi atau pekerja Peserta Takaful.
- (b) disebabkan oleh penggunaan Wang palsu.
- (c) atau kekurangan akibat daripada ralat dan ketinggalan di dalam urusan perkeranian atau perakaunan atau akibat daripada susut nilai.
- (d) Wang dari mesin yang dikendalikan oleh token duit syiling atau wang kertas.
- (e) Wang dari mana-mana kenderaan yang ditinggalkan tanpa penumpang.
- (f) atau kemusnahan atau kerosakan terhadap Wang yang dihantar melalui pos.

Liabiliti Awam

- (a) Kecederaan atau kerosakan yang disebabkan oleh atau yang timbul berkaitan dengan pemilikan atau hak milik atau penggunaan oleh atau bagi pihak Peserta Takaful terhadap kenderaan terdorong mekanik, pesawat lokomotif, peranti udara, hoverkraf atau kraf bawaan air.
- (b) Kecederaan kepada mana-mana pekerja atau sebarang tuntutan yang timbul di bawah mana-mana undang-undang pampasan pekerja.
- (c) Kerosakan kepada
 - i) apa-apa struktur atau tanah disebabkan atau didakwa disebabkan oleh getaran atau penarikan atau melemahkan sokongan
 - ii) harta yang dimiliki, dipajak, disewa, atau didiami oleh Peserta Takaful
 - iii) harta yang dipegang sebagai amanah oleh atau dalam jagaan atau kawalan Peserta Takaful yang selain daripada Premis di mana Peserta Takaful menjalankan kerja berkaitan dengan Perniagaan
 - iv) mana-mana bahagian harta di mana Peserta Takaful bekerja atau mana-mana individu yang bertindak bagi pihak Peserta Takaful yang berlaku berpunca daripada kerja itu.

Plat/ Kepingan Kaca

pecah yang disebabkan oleh atau yang boleh dikesan untuk

- (a) pembinaan atau perubahan struktur Premis itu.
- (b) perubahan kepada atau pengalihan mana-mana kaca.

- (c) penyelerakan atau pengembangan atau pengecutan kaca atau bingkai atau kelengkapan yang disebabkan oleh keadaan cuaca.

Liabiliti Majikan

- (a) liabiliti Peserta Takaful kepada pekerja kontraktor Peserta Takaful.
 (b) sebarang liabiliti Peserta Takaful yang dikaitkan oleh sebab suatu perjanjian yang tidak akan dikaitkan tanpa perjanjian tersebut.
 (c) sebarang jumlah yang mana Peserta Takaful adalah berhak untuk mendapatkan kembali daripada mana-mana pihak tetapi untuk suatu perjanjian di antara Peserta Takaful dan pihak tersebut.
 (d) apa-apa Kecederaan oleh kemalangan atau penyakit yang dialami di luar kawasan geografi.
 (e) apa-apa liabiliti Peserta Takaful untuk membayar pampasan kepada Pekerja atau wakil sah atau tanggungan-tanggungan Pekerja oleh sebab mana-mana undang-undang pampasan Pekerja.

Kemalangan Diri Berkumpulan

Kematian atau Hilang Keupayaan kekal yang disebabkan sama ada secara langsung atau tidak langsung oleh:

- (a) peperangan, serangan, perbuatan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), peperangan sivil, pemberontakan, revolusi, pemberontakan atau rampasan kuasa, mogok, rusuhan, kekecohan awam, kebangkitan tentera atau perhimpunan awam di mana Orang Yang Dilindungi secara langsung atau tidak langsung mengambil bahagian atau terlibat walau apa jua dalam aktiviti-aktiviti tersebut;
 (b) Sebarang kegiatan keganasan;
 (c) gila, bunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman) atau apa-apa percubaan ke arah itu oleh Orang Yang Dilindungi;
 (d) kecacatan dan kelemahan fizikal atau mental Orang Yang Dilindungi yang sedia ada;
 (e) jangkitan bakteria atau virus, apa-apa penyakit, rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali sebagaimana yang perlu semata-mata akibat kecederaan yang dilindungi oleh Sijil Takaful ini dan dilaksanakan dalam masa yang tertera di dalam Sijil Takaful itu) kepada Orang Yang Dilindungi;
 (f) bersalin, keguguran, kehamilan atau apa-apa komplikasi yang berkaitannya kepada Orang Yang Dilindungi;
 (g) perbuatan asakan atau serangan yang dimulakan oleh Orang Yang Dilindungi yang menyebabkan dirinya terbunuh;
 (h) sebarang perlakuan yang melanggar Undang-undang Sivil atau Syariah dan prinsip-prinsipnya oleh Orang Yang Dilindungi;
 (i) hilang keupayaan kekal yang sedia ada atau Kecederaan Tubuh Badan Orang Yang Dilindungi;
 (j) penyalahgunaan bahan, alkohol dan/ atau dadah oleh Orang Yang Dilindungi;
 (k) apa-apa sebab-sebab lain yang dilarang oleh Undang-undang dan prinsip-prinsip Syariah.

Nota: *Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai penuh bagi pengecualian-pengecualian di bawah Sijil Takaful ini.*

8) Bolehkah saya membatalkan Sijil Takaful ini?

Anda boleh membatalkan Sijil Takaful ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pulangan Sumbangan Takaful untuk kadar pro rata bagi tempoh Sijil Takaful yang belum luput. Tiada pulangan Sumbangan Takaful dibenarkan jika ada sebarang tuntutan di bawah Sijil Takaful ini.

9) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting bagi anda untuk memberitahu kami mengenai perubahan maklumat perhubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

10) Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai *IKHLAS* Niaga Takaful (Office Niaga), sila hubungi kami di:

Takaful Ikhlas General Berhad

Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan,
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South,
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2723 9696

Faks: 03-2723 9998

Laman sesawang : www.takaful-ikhlas.com.my

Emel: ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my

11) Produk seumpama yang boleh didapati?

- *IKHLAS* Niaga Takaful (Clinic Niaga)
- *IKHLAS* Niaga Takaful (Retail Niaga)
- *IKHLAS* Niaga Takaful (Commercial Niaga)

NOTA PENTING:

ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN HARTA ANDA DILINDUNGI PADA JUMLAH YANG BERSESUAIAN MEMANDANGKAN IA AKAN MENJEJASKAN JUMLAH TUNTUTAN. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

MENURUT PERENGGAN 4(1) JADUAL 9 AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013, JIKA ANDA MEMOHON PRODUK INI UNTUK TUJUAN YANG BERKAITAN DENGAN PERDAGANGAN, PERNIAGAAN ATAU PROFESION ANDA, ANDA BERKEWAJIPAN UNTUK MENDEDAHKAN APA-APA PERKARA YANG ANDA TAHU SEBAGAI BERKAITAN KEPADA KEPUTUSAN KAMI UNTUK MENERIMA ATAU TIDAK RISIKO DAN MENENTUKAN KADAR DAN TERMA YANG DIKENAKAN, DAN APA-APA PERKARA SEORANG YANG MUNASABAH PATUT TAHU ADALAH BERKAITAN, JIKA TIDAK IA BOLEH MENYEBABKAN PEMBATALAN SIJIL TAKAFUL, PENOLAKAN ATAU PENGURANGAN TUNTUTAN, PERUBAHAN TERMA-TERMA ATAU PENAMATAN KONTRAK TAKAFUL ANDA.

KEWAJIPAN PENDEDAHAN DI ATAS HENDAKLAH BERTERUSAN SEHINGGA SIJIL TAKAFUL ANDA DIBUAT, DIUBAH ATAU DIPERBAHARUI DENGAN KAMI.

ANDA JUGA MEMPUNYAI KEWAJIPAN UNTUK SEGERA MEMBERITAHU KAMI SEKIRANYA SETELAH SIJIL TAKAFUL ANDA DIBUAT, DIUBAH ATAU DIPERBAHARUI DENGAN KAMI, APA-APA MAKLUMAT YANG DINYATAKAN DI DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK PRODUK INI) TIDAK TEPAT ATAU TELAH BERUBAH.

Informasi yang disediakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada 01/12/2018